



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TAN SRI MUSA HASSAN
MENGENAI KERJAYA BELIAU DALAM PERKHIDMATAN SEBAGAI
ANGGOTA POLIS
DI MALAYSIA
PADA TAHUN 1969 - 2011**

DISEDIAKAN OLEH:

WAN MOHAMAD SHAHREZA BIN WAN MOHD SAIDI (2012970603)

MUHAMMAD AMIR IZZAQ BIN MOHD AZMAN (2012140117)

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

BAGI SEMESTER 05 MAC 2014/ JULAI 2014

ISI KANDUNGAN

	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	
	Pengenalan Sejarah	1
	Transkrip	5 - 70
	Log Wawancara	71 - 79
	Biodata Tokoh	80 - 81
	Biodata Penulis	82 - 83
	Senarai Soalan	84 - 91
	Ralat	92
	Singkatan	93 - 94
	Senarai Rujukan	95
	Lampiran	96 - 100
	Indeks	101 - 105
	Kronologi	106 - 111
	Surat Berkaitan	
	Gambar	
	Keratan Internet	
	Temubual	

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda. Kami juga ingin meramkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dalam menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini iaitu Transkrip Temubual Bersama Tan Sri Musa Hassan Mengenai Perkhidmatan Beliau Sebagai Anggota Polis.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya. Segala komitmen yang telah diberikan oleh beliau menyuntik semangat kami untuk menyiapkan penulisan transkrip ini.

Sekalung penghargaan juga kami ucapkan kepada Tan Sri Musa Hassan yang merupakan tokoh yang telah kami pilih dalam menghasilkan kerja kursus penulisan transkrip ini kerana kesudian beliau untuk meluangkan masa untuk ditemubual oleh kami. Segala kerjasama dan komitmen beliau dalam menceritakan pengaaman beliau amat kami hargai dan sanjungi.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Tan Sri Musa Hassan Mengenai Perkhidmatan Beliau Sebagai Anggota Polis.

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tan Sri Musa Hassan bekas Ketua Polis Negara mengenai khidmat beliau dalam bidang polis yang sudah 41 tahun berkecimpung dalam perkhidmatan ini. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau yang bertempat di Petaling Jaya, Selangor pada 24 Mei 2014 hari Sabtu bermula jam 2.00 petang. Beliau merupakan salah seorang Anggota Polis yang tegas kerana pernah memegang beberapa jawatan tertinggi sepanjang berkhidmat sebagai anggota polis sehinggakan beliau dilantik menjadi Ketua Polis Negara. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang menjadi anggota polis. Selain itu, temubual ini juga menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui dalam membanteras jenayah dan juga menjaga keselamatan didalam dan diluar negara itu sendiri. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau menjalin hubungan serantau dan memberi sepenuhnya komitmen dalam menjalankan tugas sehingga beliau mendapat gelaran, pingat dan juga anugerah. Selain itu, terdapat beberapa pendapat beliau mengenai perkhidmatan polis di negara kita dan pendapat beliau tentang keadaan yang berlaku didalam dan diluar negara masa kini serta persamaannya turut dikupas di dalam transkrip ini.

Kata kunci : Tan Sri Musa Hassan, Anggota, Polis, Perkhidmatan, Jenayah

1.0 PENGENALAN SEJARAH

Sistem polis boleh dilihat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ketika ini, peranan, tugas dan tanggungjawab polis digabungkan dengan tugas-tugas ketenteraan. Sultan menjadi pusat kuasa yang mengawal sistem ini, mempunyai kuasa mutlak. Baginda juga menjadi Hakim, Ketua Agama dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera serta berkuasa mengubal undang-undang. Undang-undang terpenting pada zaman itu ialah Hukum Kanun Melaka.

Temenggung ialah orang yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman di seluruh negeri, termasuk kawasan istana. Tugasnya untuk menangkap penjenayah, membina penjara dan melaksanakan hukuman-hukuman. Pada zaman sekarang, jawatan Temenggung seperti Ketua Polis Negara sekarang. Beliau juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga pelabuhan, menyelesaikan masalah jenayah, pasar, jalan, pekan, timbangan dan sukatan. Temenggung juga mempunyai pengawal peribadi, dikehendaki mengawasi pemeriksaan penjara, berlaku adil, mencari pengikut-pengikut yang amanah dan berunding dengan rakan-rakan sejawat.

Sistem kepolisan tradisional ini berubah apabila Melaka ditakluk Portugis pada 10 Ogos 1511, yang diketuai oleh Alfonso de Albuquerque.

1.0.1 Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Polis Diraja Malaysia (PDRM) ialah sebuah pasukan polis Malaysia yang terdiri daripada 111,450 orang pegawai dan anggota, dan beribupejabat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pasukan berseragam ini adalah unik disebabkan berbanding dengan negara lain, pertubuhan ini adalah terpusat, iaitu segala bentuk kepolisan dari polis tugas am (General Duties) ke perisikan adalah di bawah bidang kuasanya. Kini Ketua Polis Negara (jawatan tertinggi di PDRM)